

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 21 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 28

### Syarikat UK, Malaysia kongsi amalan global

## Syarikat UK, Malaysia kongsi amalan global

**KUALA LUMPUR** - Syarikat pemula niaga United Kingdom (UK) mampu memberi pendedahan amalan terbaik global kepada Malaysia selain mewujudkan persaingan sihat serta tekanan bagi menggalakkan firma tempatan melakukan inovasi, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, kalangan belia Malaysia juga dapat menyelami bagaimana syarikat pemula yang mempunyai idea, saiz dan operasi serba sama namun berupaya melaksanakan inovasi bagi mewujudkan perubahan.

"Ini akan memberi mereka keyakinan diri yang diperlukan serta ciri-ciri untuk bangkit dan menyerlah dengan cara sendiri

"Apa yang kerajaan boleh janjikan adalah memastikan pintu kita sentiasa terbuka kepada bantuan pihak luar menerusi pelaburan, kemahiran serta peluang saling menguntungkan dan mewujudkan satu ekosistem yang menyokong model pertumbuhan berteraskan inovasi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucap tama pada acara Hari Demo Program Inovasi Digital UK-Malaysia di sini, pada Isnin.

Pada acara itu, sebanyak 10 syari-



**RAFIZI**

kat pemula sifar bersih UK membentangkan idea teknologi masing-masing bagi merebut peluang pelaburan sehingga AS\$1 juta dan menyertai makmal Sunway Innovation Labs (Sunway iLabs), sebuah program pemecut bagi syarikat pemula baharu.

Sementara itu bercakap pada majlis sama, Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Britain, ke Malaysia David Wallace

berkata, usaha menghubungkan perniagaan teknologi digital UK dengan korporat terkemuka di Malaysia dan menggabungkan kekuatan serta sumber sokongan akan membolehkan program tersebut menjadi pemangkin bagi aspek perkongsian dan pelaburan komersial

"Perdagangan dua hala UK dengan Malaysia berjumlah £5.9 bilion ((£1=RM5.45) dengan digital, teknologi dan siber sebagai sektor pertumbuhan terpantas," katanya.

Malah, program pemecut itu akan membolehkan syarikat teknologi UK berhubung dan meninjau peluang dengan ekosistem teknologi di Malaysia.

Program tersebut dianjurkan dengan kerjasama Sunway iLabs, MyDigital Corporation dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) serta dijayakan oleh IoT Tribe. - *Bernama*